

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 11 Mei 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

MAC 2022

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 2.7 peratus pada Mac 2022

PUTRAJAYA, 11 Mei 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Mac 2022**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Memetik kepada laporan, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, "Pengeluaran getah asli menurun 2.7 peratus pada bulan Mac 2022 (28,030 tan metrik) berbanding pada bulan Februari 2022 (28,817 tan metrik). Perbandingan tahunan turut menunjukkan penurunan 22.3 peratus (Mac 2021: 36,068 tan metrik). Beliau menambah, pengeluaran getah asli Malaysia pada Mac 2022 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (88.3%) berbanding sektor estet (11.7%).

Jumlah stok getah asli pada Mac 2022 menurun sebanyak 4.4 peratus kepada 310,332 tan metrik berbanding 324,659 tan metrik pada Februari 2022. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 93.2 peratus diikuti kilang pengguna getah (6.7%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 53,328 tan metrik pada Mac 2022 meningkat 12.5 peratus berbanding Februari 2022 (47,386 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 50.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Mac 2022 diikuti Finland (5.9%), Iran (4.1%), Jerman (3.4%) dan Turki (3.2%). Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berdasarkan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM2.1 billion pada Mac 2022, meningkat 9.1 peratus berbanding Februari 2022 (RM2.0 billion)".


Pengeluaran getah asli dunia 2022 dijangka tumbuh pada kadar perlahan iaitu 1.9 peratus manakala penggunaan pula pada kadar 1.2 peratus ekoran perang Rusia-Ukraine yang masih berterusan serta kekurangan tenaga kerja seperti yang dinyatakan oleh Persatuan Negara-Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) pada laporan bulanan terbitan 22 April 2022.

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu sebanyak 3.9 peratus (Mac 2022: 683.57 sen sekilogram, Februari 2022: 658.14 sen sekilogram) manakala bagi jenis Sekerap menurun 2.5 peratus (Mac 2022: 591.02 sen sekilogram, Februari 2022: 606.41 sen sekilogram). Pergerakan harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula mengalami peningkatan antara 3.8 peratus hingga 3.9 peratus dan menurun antara 2.2 hingga 2.3 peratus. Harga bagi getah jenis TSR 20 (Technically Specified Rubber) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) masing-masing menurun 2.5 peratus (daripada USD1.79/kg kepada USD1.75/kg) dan meningkat 0.5 peratus (daripada USD2.11/kg kepada USD2.12/kg) seperti yang dilaporkan oleh World Bank Commodity Price Data.


Sementara itu, prestasi suku pertama 2022 menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 7.3 peratus kepada 106,923 tan metrik berbanding 115,310 tan metrik pada suku keempat 2021. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku pertama 2022 pula mencatatkan penyusutan 18.8 peratus berbanding suku pertama 2021 (131,643 tan metrik).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Mac 2021, Februari - Mac 2022 ('000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Mac 2021, Februari - Mac 2022 ('000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 MEI 2022**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, May 11th 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
MARCH 2022

**Malaysia natural rubber production
decreased by 2.7 per cent in March 2022**

PUTRAJAYA, May 11, 2022 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, March 2022**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, "Natural rubber production decreased marginally by 2.7 per cent in March 2022 (28,030 tonnes) as compared to February 2022 (28,817 tonnes). Year-on-year comparison also showed that the production of natural rubber decreased by 22.3 per cent (March 2021: 36,068 tonnes). He added, production of natural rubber in March 2022 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (88.3%) as compared to estates sector (11.7%).

Total stocks of natural rubber in March 2022 decreased by 4.4 per cent to 310,332 tonnes as compared to 324,659 tonnes in February 2022. Rubber processors factory contributed 93.2 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (6.7%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's natural rubber amounted to 53,328 tonnes in March 2022, increased 12.5 per cent as against February 2022 (47,386 tonnes). P.R. China remained as main destination for natural rubber exports which accounted 50.6 per cent of total exports in

March 2022 followed by Finland (5.9%), Iran (4.1%), Germany (3.4%) and Turkey (3.2%). Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The exports performance was contributed by natural rubber-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM2.1 billion in March 2022, an increase of 9.1 per cent as compared to February 2022 (RM2.0 billion)".


World natural rubber production in 2022 is expected to grow at a slower rate of 1.9 percent while consumption will be at 1.2 percent due to the ongoing Russia-Ukraine war and labor shortages as stated by the Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC) in a monthly report published 22 April 2022.

Analysis of the average monthly price showed that Latex Concentrated recorded an increase of 3.9 per cent (March 2022: 683.57 sen per kg, February 2022: 658.14 sen per kg) while, for type of Scrap decreased by 2.5 per cent (March 2022: 591.02 sen per kg, February 2022 : 606.41 sen per kg). The movement of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) experienced an increase between 3.8 per cent to 3.9 per cent and decreased between 2.2 per cent to 2.3 per cent. Prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 2.5 per cent (from USD1.79/kg to USD1.75/kg) and increased 0.5 per cent (from USD2.11/kg) respectively) kg to USD2.12/kg) as reported by World Bank Commodity Price Data


Meanwhile, the performance of the first quarter of 2022 declined by 7.3 per cent to 106,923 tonnes as compared to 115,310 tonnes in the fourth quarter of 2021. The annual performance of Malaysia's natural rubber production in the first quarter of 2022 recorded a decreased of 18.8 per cent as compared to 2021 (131,643 tonnes).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

**Chart 1 : Production and domestic consumption of natural rubber March 2021, February - March 2022
('000 tonnes)**




Production




Domestic Consumption

**Chart 2 : Imports and exports of natural rubber March 2021, February - March 2022
('000 tonnes)**



Imports



Exports

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

11 MAY 2022